

Rakyat Malaysia memasu ki Ukraine tidak perlu visa

15 JUL 2003
KIEV, UKRAINE 14 Julai -- Ukraine hari ini membuat keputusan untuk memansuhkan keperluan visa atau permit memasuki negara ini bagi para diplomat dan ahli-ahli perniagaan Malaysia dalam usahanya untuk meningkatkan lagi hubungan kerjasama ekonomi di antara kedua negara.

Presiden Ukraine, Leonid D. Kuchma ketika mengumumkan demikian berkata, langkah itu bertujuan untuk memudahkan lagi perjalanan masuk bagi rakyat Malaysia yang berminat untuk menjalinkan hubungan perniagaan dan perdagangan di negara ini.

Menurut beliau, keputusan itu dibuat hasil perbincangan di antara para perwakilan kedua-dua negara yang berlangsung di istana Presiden, Marinyinsky Palace, di sini pagi ini.

Perwakilan Malaysia diketuai sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang melakukan lawatan rasmi empat hari ke negara ini.

Ketika bercakap dalam satu sidang media bersama selepas rundingan itu, Kuchma berkata, Malaysia dan Ukraine mempunyai banyak peluang yang masih belum diterokai dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan.

Sebagai contohnya, kata beliau, ialah dalam industri getah asli Malaysia.

Ukraine merupakan salah sebuah negara terkemuka dalam mengeluarkan tayar getah manakala Malaysia pula merupakan negara utama pengeluar getah asli. -- *Utusan*